

17 APR 2001

Parlimen-Bahas

KWSP DIMINTA BINCANG DENGAN MTUC ELAKKAN PIKET

KUALA LUMPUR, 17 April (Bernama) -- Seorang penyokong kerajaan hari ini meminta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengadakan perbincangan dengan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) bagi mengembalikan kepercayaan pencarum dan mengelakkan piket terhadap KWSP.

Datuk Ahmad Husni Hanadzlah (BN-Tambun) berkata cadangan MTUC untuk mengadakan piket kerana tidak berpuas hati dengan prestasi KWSP, adalah tidak wajar.

"Ia adalah suatu perkara serius kerana piket kebiasaannya diadakan bagi menuntut kenaikan gaji atau tidak puashati terhadap majikan tetapi kali ini piket hendak diadakan kerana tidak yakin dengan keupayaan KWSP," katanya semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2000 dan 2001) 2001 di Dewan Rakyat di sini hari ini.

Beliau berkata pelbagai isu berhubung KWSP seperti keraguan terhadap Skim Anuiti dan kadar dividen yang rendah yang dibangkitkan oleh MTUC sebelum ini perlu mendapat perhatian dan penjelasan daripada KWSP.

Katanya penjelasan oleh KWSP boleh menyelesaikan segala masalah, keraguan serta dan kekeliruan yang timbul.

Ahmad Husni menyambut baik langkah kerajaan melantik Azlan Mohd Zainol, yang sebelum ini ialah Pengarah Urusan Arab-Malaysian Bank Berhad sebagai Ketua Pegawai Eksekutif KWSP yang baru, kerana beliau merupakan seorang yang berpengalaman dalam bidang kewangan.

Katanya sebagai sebuah institusi kewangan yang besar, KWSP memerlukan seseorang yang mempunyai pengalaman dalam bidang kewangan dan pelaburan.

Ahmad Husni juga meminta penjelasan kerajaan mengenai tindakan yang diambil terhadap pegawai kanan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) yang cuba menjual bon bernilai US\$5 bilion.

Beliau berkata akibat tindakan pegawai berkenaan, PUNB terpaksa mengeluarkan satu notis penting di akhbar seperti Wall Street Journal bagi mengelakkan sebarang rundingan dibuat berhubung bon itu.

"Tapi notis ini juga memberi gambar negatif kepada Malaysia bahawa terpadat pegawai PUNB yang tidak jujur dan ikhlas. Individu yang terlibat perlu dikenakan tindakan yang serius," katanya.

Mohamad Sabu (Pas-Kuala Kedah) dalam perbahasannya pula meminta kerajaan supaya memberi perhatian terhadap kebajikan anggota dan pegawai polis dan tentera dan memastikan mereka mendapat faedah setimpal dengan tugas berat mereka.

"Polis bertindak begitu cepat khususnya bila menangkap orang tetapi apabila untuk faedah mereka, kerajaan sering lambat dan lalai misalnya imbuhan tahun lepas, mereka hanya dapat selepas Aidil Fitri," katanya.

Mohamad berkata beliau memandang serius kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai yang mendedahkan terdapat cubaan bagi mendapat sokongan dan menggunakan bekas anggota polis, tentera dan komando untuk menggulingkan kerajaan melalui gerakan reformasi militan.

"Bila orang kecewa lebih ramai daripada orang yang tidak kecewa ini bermakna pemerintah yang ada pada masa ini sudah tidak popular. Kenapa ini berlaku?" katanya.

Beliau turut meminta kerajaan supaya membebaskan segera tujuh orang anggota Parti Keadilan Nasional dan aktivis reformasi yang ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) atau mendakwa mereka di mahkamah.

Sebagai seorang bekas tahanan ISA, Mohamad berkata alasan penggunaan

ISA terhadap mereka tidak kukuh kerana jelas bahawa perhimpunan pada 14 April bagi menyerahkan memorandum kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) berlangsung secara aman.

Datuk Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong) dalam perbahasannya meminta pihak berkuasa menyiasat tindakan kerajaan Terengganu mengambil peruntukan wang ihsan kerajaan persekutuan yang sepatutnya diberi kepada beberapa institusi pendidikan di negeri itu.

Beliau berkata, pihak berkuasa harus menyiasat menerusi prosedur apakah yang digunakan oleh kerajaan Pas untuk mengambil RM40 juta yang disalurkan oleh kerajaan pusat kepada Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin, Institut Lanjutan Teknikal Terengganu dan sekolah-sekolah menengah agama negeri.

"Bagaimanakah dengan nasib pelajar-pelajar di institusi yang terlibat?" katanya.

Ruhanie juga menasihatkan anggota Parlimen pembangkang agar membawa hujah yang bernas ke dalam dewan agar perbasahan di Dewan Rakyat tidak menjadi forum murahan.

"Saya harap pembangkang juga menjadi pembangkang yang bertanggungjawab," katanya.

Datuk Dr Yusof Yacob (BN-Sipitang) pula meminta kerajaan mengambil tindakan tegas bagi mengatasi masalah penangkapan ikan menggunakan bom yang berlaku di perairan Sabah.

Katanya, aktiviti itu telah berlarutan terlalu lama sehingga memusnahkan batu karang yang terdapat di situ.

Yusof berkata antara langkah yang boleh diambil bagi mengelakkan aktiviti tersebut ialah dengan menetapkan bahan nitrat baja urea yang digunakan untuk membuat bom itu diletakkan di bawah kategori barang-barang kawalan.

"Setidak-tidaknya tindakan ini akan mengurangkan aktiviti pengeboman ikan," katanya.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Chan Kong Choy ketika menggulung perbahasan berkata keputusan yang diambil oleh KWSP sebelum membuat sebarang pelaburan atau pembelian saham syarikat bergantung kepada peraturan dan nasihat daripada panel pelaburannya.

Katanya satu prinsip yang diikuti oleh panel itu dalam memberikan nasihat kepada KWSP adalah supaya pelaburan yang dibuat itu akan menghasilkan keuntungan dalam jangka panjang.

"Mula-mula mungkin KWSP akan rugi dengan pelaburan yang dibuat itu, tetapi yakinlah, dalam dua atau tiga tahun nanti, ia akan mendatangkan faedah," kata Chan.

Persidangan disambung esok.

-- BERNAMA

NHA HS MAI